

20 MAY 2002

MAHATHIR-JEPUN/I

DR MAHATHIR TIBA DI JEPUN UNTUK LAWATAN KERJA

Oleh: Siti Hawa Othman

TOKYO, 20 Mei (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja tiga hari ke Jepun.

Jet eksekutif yang dinaikinya mendarat di Lapangan Terbang Narita pada 4.30 p.m. waktu tempatan di mana beliau disambut oleh duta Malaysia ke Jepun, Datuk Mohd Marzuki Mohd Noor, dan para pegawai lain kedutaan.

Dr Mahathir dan rombongannya kemudian bertolak ke pusat bandar Tokyo dengan keretapi JR Narita Express 34 dan dibawa dari Stesen Tokyo ke Hotel Imperial di mana beliau akan menginap sehingga Rabu ini.

Malam ini, Dr Mahathir akan menghadiri jamuan makan malam yang diadakan oleh bekas perdana menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone.

Nakasone memainkan peranan penting dalam menyokong Dasar Pandang ke Timur, kata Marzuki dalam taklimatnya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan perdana menteri ke sini.

Nakasone adalah perdana menteri Jepun ketika Malaysia memperkenalkan dasar itu kira-kira 20 tahun lepas.

Dr Mahathir mempunyai jadual yang ketat pada Selasa, yang termasuk pertemuan dengan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi.

Beliau dijadual akan bersarapan pagi dengan anggota Liga Persabatan Ahli Parlimen Jepun-Malaysia, kata Marzuki.

Anggota Liga itu yang terdiri dari 25 Ahli Parlimen, termasuk dua menteri penuh dan dua naib menteri kanan, dianggap sebagai sahabat Malaysia kerana keberkesanan mereka membuat penjelasan tentang dasar-dasar Malaysia kepada Diet, iaitu Parlimen Jepun.

Marzuki berkata pertemuan itu merupakan peluang yang baik untuk bertukar idea selain membolehkan Dr Mahathir memberi taklimat kepada para anggota Liga itu mengenai kemajuan Malaysia.

Pada tengah hari esok, Dr Mahathir akan memberi ucapan mengenai "China - Satu Cabaran Atau Peluang Bagi Asean" di Persidangan Antarabangsa Nikkei kelapan.

Persidangan yang akan menumpu kepada China itu bertemakan "Masa Depan Asia - Kemunculan China Dan Rangka Kerja Serantau Yang Berubah".

Lewat hari itu, Dr Mahathir akan bertemu dengan Dr Kisho Kurokawa, jurubina Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang di mana perbincangan mereka dijangka berkisar tentang konsep "perkampungan bio" Malaysia. Perkampungan bio telah dicadang akan menjadi tempat bagi industri-industri yang berkaitan dengan bio-teknologi dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Dr Mahathir kemudian akan mengunjungi Koizumi di Sori Kantei, iaitu Pejabat Perdana Menteri Jepun, di mana kedua-dua pemimpin itu dijangka akan menyentuh isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama, perdagangan dua hala serta penubuhan "Universiti Teknikal" di Malaysia.

Beliau juga akan ditemuramah secara eksklusif oleh Nihon Keizai Shimbun, Inc (Nikkei) dan stesen televisyen N.H.K..

Beliau juga dijadualkan akan mengadakan pertemuan dengan Masajuro Shiokawa, iaitu menteri kewangan dan pengerusi Persatuan Jepun-Malaysia, menghadiri jamuan khas bagi para pemimpin Asia bersama-sama Koizumi dan menghadiri jamuan makan malam sempena Persidangan Nikkei.

Pada Rabu, Dr Mahathir akan bertolak ke Nagasaki untuk majlis penamaan kapal Puteri Intan Satu, iaitu sebuah kapal milik Malaysia International Shipping Corporation Bhd.

Dr Mahathir dijangka akan berlepas ke Seoul, Korea Selatan, pada 4.00 petang waktu tempatan pada Rabu. -- BERNAMA

SHO MR SHY JR